



ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

■

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

Editor:

**Suhaida Abu Bakar
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Siti Aisyah Yusof**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
2021

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM
REALITI SEMASA

Ahmad Yumni Abu Bakar
Md Saufi Abdul Hamid
Mohd Muhaizam Md Ishak
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Nik Liyana Mustapa@Nik Daud
Noor Hidayah Kasim
Siti Aisyah Yusof
Suhaida Abu Bakar

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan teknik sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain cara sebelum mendapatkan keizinan daripada penerbit Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah.

Cetakan Pertama September 2018
Cetakan Kedua Oktober 2018
Cetakan Ketiga Mac 2019
Cetakan keempat 2021

Reka bentuk dan ilustrasi kulit:
Canva.com

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Senarai Penulis Bab Dalam Buku Ini

Bab 1	Tasawwur Islam <i>Suhaida Abu Bakar</i> <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i>
Bab 2	Akidah Sejahtera Ummah Bahagia <i>Muhammad Saiful Islami Mohd Taher</i> <i>Mohd Muhaizam Md Ishak</i>
Bab 3	Indahnya Hidup Bersyariat <i>Noor Hidayah Kasim</i>
Bab 4	Ibadah Membina Insan Berkualiti <i>Md Saufi Abdul Hamid</i>
Bab 5	Akhlak Dalam Perkembangan Masyarakat Islam Kontemporari <i>Siti Aisyah Yusof</i> <i>Nik Liyana Mustapa@Nik Daud</i>

BAB 5

AKHLAK DALAM PERKEMBANGAN MASYARAKAT ISLAM KONTEMPORARI

Siti Aisyah Binti Yusof
Nik Liyana Binti Mustapa@Nik Daud

Objektif Pembelajaran

1. Mendedahkan nilai-nilai akhlak mahmudah berdasarkan prinsip-prinsip Islam.
2. Menghuraikan pembinaan akhlak dan cabarannya.
3. Mengenal pasti cabaran dan penyelesaian serta kaedah menangani masalah krisis akhlak dalam kalangan umat Islam.
4. Menjelaskan signifikan akhlak dalam etika sosio budaya insan berdasarkan Surah al-Hujurat ayat 1-18.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, diharapkan pelajar akan dapat:

- Mengaplikasi akhlak mahmudah berdasarkan prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan.
- Menghuraikan pembinaan akhlak dan cabarannya.
- Mengenal pasti cabaran dan penyelesaian serta kaedah menangani masalah krisis akhlak dalam kalangan umat Islam.
- Menjelaskan signifikan akhlak dalam etika sosio budaya insan berdasarkan Surah al-Hujurat ayat 1-18.

5.0 PENDAHULUAN

Akhlak mendapat kedudukan yang tinggi dalam Islam. Perutusan junjungan Nabi Muhammad SAW kepada manusia di seluruh alam adalah antaranya untuk menyempurnakan akhlak mulia (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2007).

Sabda baginda SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya aku diutus demi menyempurnakan akhlak yang mulia”.

(Riwayat Ahmad, al-Hakim dan al-Baihaqi)

Seseorang yang berakhlak buruk seolah-olah mendapat kecelakaan. Sabda Rasulullah SAW ketika ditanya, apakah yang dianggap sebagai kecelakaan itu? Baginda SAW menjawab dengan sabdanya yang bermaksud:

“Iaitu budi pekerti yang buruk”.

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

Oleh itu, seseorang yang beriman kepada Allah SWT wajib menganuti dan melaksanakan tuntutan dalam Islam untuk berakhlak dengan akhlak yang mulia sebagaimana yang dimiliki oleh Rasulullah SAW (Abu Bahili An Nahli, 1996). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan yang banyak mengingat Allah”.

(Surah al-Ahzab (33): 21)

Tuntutan agar berakhlak mulia juga dapat dilihat dalam hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud (Muhammad Jamaluddin al-Qasimi, 2005):

“Sesungguhnya kamu semua tidak dapat bergaul dengan para manusia itu hanya dengan harta kamu sahaja, maka bergaullah dengan mereka itu dengan wajah yang berseri-seri serta budi pekerti yang baik”.

(Riwayat al-Bazzar, Abu Ya'la dan al-Tabrani)

5.1 PERBEZAAN ETIKA, MORAL DAN AKHLAK

5.1.1 Definisi Akhlak

Akhlak dalam bahasa Arab disebut sebagai *'khuluq'* yang bermaksud perangai, tabiat dan budi pekerti. Akhlak juga bermaksud kebiasaan, maruah dan agama. Akhlak dari segi istilah didefinisikan sebagai perilaku yang meresap ke dalam jiwa seseorang. Perilaku inilah yang menerbitkan perbuatan dengan perasaan senang dan mudah tanpa perlu

kepada pemikiran dan pertimbangan (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2007).

Mustafa Haji Daud (1991) mendefinisikan akhlak dari segi istilah sebagai segala laku perbuatan yang telah menjadi adat kebiasaan, apabila dilakukan tidak perlu lagi berfikir panjang.

5.1.2 Definisi Etika

Perkataan etika berasal dari bahasa Inggeris iaitu '*ethic*' yang berasal dari perkataan Greek '*ethos*' yang bermaksud nilai-nilai atau perkara yang berkaitan dengan sikap yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan (Mustafa Haji Daud, 1991).

5.1.3 Definisi Moral

Moral ialah tingkah laku yang ditentukan oleh etika sama ada baik atau jahat. Moral terbahagi kepada dua iaitu baik dan jahat. Moral yang baik ialah segala tingkah laku yang dikenal pasti oleh etika sebagai baik manakala moral yang jahat ialah tingkah laku yang dikenal pasti oleh etika sebagai jahat (Mustafa Haji Daud, 1991).

5.2 SKOP AKHLAK

Akhlak terbahagi kepada tiga skop iaitu:

- i. Akhlak manusia dengan Allah
- ii. Akhlak manusia dengan manusia
- iii. Akhlak manusia dengan alam



5.2.1 Akhlak Manusia Dengan Allah

Orang mukmin ialah orang yang mempunyai akhlak yang tinggi dalam konteks hubungannya dengan Allah SWT. Mereka mengenal Allah, beriman dan beribadah kepadaNya. Antara cara berakhlak kepada Allah ialah beriman kepadaNya dan apa yang diwahyukan olehNya, mentaati perintahNya, mensyukuri nikmatNya, redha dengan ketentuan qada' dan qadarNya, bertawakkal kepadaNya, tidak berputus asa terhadap rahmatNya, bertasbih dan berzikir, beribadat, bertaubat dan mencintai Allah (Che Zuina Ismail, 2007).

Antara cara berakhlak kepada Allah ialah beriman kepadaNya dan apa yang diwahyukan olehNya, mentaati perintahNya, mensyukuri nikmatNya, redha dengan ketentuan qada' dan qadarNya, bertawakkal kepadaNya, tidak berputus asa terhadap rahmatNya, bertasbih dan berzikir, beribadat, bertaubat dan mencintai Allah (Che Zuina Ismail, 2007).

Beriman kepada Allah SWT bererti mengakui, mempercayai atau meyakini bahawa Allah itu ada dan bersifat dengan segala sifat yang baik dan Maha Suci dari segala sifat yang buruk. Tetapi beriman kepada Allah tidak cukup sekadar mempercayai

akan adanya Allah sahaja, melainkan harus juga diikuti dengan beribadah atau mengabdikan diri kepada Allah SWT dalam kehidupan seharian, mengamalkan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan Allah. Semuanya ini dikerjakan dengan tulus ikhlas, semata-mata kerana Allah sahaja (Abu Bahili An Nahli, 1996).

Akhlak manusia kepada Allah SWT dalam konteks ibadah adalah termasuk beberapa perkara berikut:

i) Tidak mempersekutukan Allah

Mempersekutukan Allah SWT ialah mempertuhankan sesuatu yang bukan tuhan dan mempercayai ada lagi tuhan yang lain. Perbuatan ini disebut syirik. Perbuatan syirik ialah salah satu dosa besar di samping dosa besar yang lain seperti derhaka kepada ibu bapa, takabbur, menjadi saksi palsu dan sebagainya. Oleh itu sebagai hamba Allah, kita dilarang sama sekali mempersekutukan Allah SWT dengan sesuatu apa pun (Abu Bahili An Nahli, 1996).

ii) Takut kepada Allah SWT

Dalam Islam umatnya dididik untuk takut kepada Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan barangsiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya serta takut kepada Allah dan bertaqwa kepadaNya, mereka itulah yang mendapat kemenangan”.

(Surah al-Nur 24: 52)

Kita sebagai seorang hamba, seharusnya ada perasaan takut kepada Allah SWT yang menciptakan sesuatu. Ini kerana Allah SWT sebagai tuhan Maha berkuasa untuk menghukum sesiapa pun yang berani menderhakai perintahNya (Abu Bahili An Nahli, 1996).

iii) Cinta kepada Allah SWT

Mencintai Allah SWT ialah melaksanakan segala yang menjadi kelaziman cinta (kepada Allah), iaitu mentaatiNya, mendahulukan perintahNya atas perintah hawa nafsu, mengikut dan mematuhi laranganNya, walaupun berat dirasa diri (nafsu) kerana telah menjadi tradisi telah merasa sangat lazatnya.

Allah SWT sememangnya Tuhan yang Maha pengasih dan penyayang. Maka wajib pulalah kita mengasihi dan menyintaiNya dengan sepenuh hati. Pengasih dan penyayang Allah SWT dapat diketahui dari utusan RasulNya kepada manusia untuk membawa rahmat bagi seluruh alam, juga dapat diketahui dari bermacam-macam rezeki dan nikmat kurnia berupa apapun yang tidak terkira banyaknya diberikan oleh Allah SWT kepada manusia.

Bagi seorang muslim, cinta kepada Allah hendaklah merupakan cinta yang sejati dan cinta yang tertinggi. Bahkan menjadikan Allah sebagai tumpuan segala cintanya dan puncak segala cintanya dalam hidup ini, dan tidak boleh dikalahkan oleh cintanya kepada apa pun juga selain Allah seperti suami atau isteri, anak, harta benda, pangkat dan sebagainya.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Ada 3 perkara, barang siapa dapat mencapainya, ia akan mendapatkan bagaimana manisnya iman, iaitu:

- 1- Bahawa Allah dan RasulNya lebih dicintainya daripada apa jua pun yang lain.
- 2- Bahawa ia cinta kepada seseorang tetapi cintanya itu tiada lain kerana cintanya kepada Allah jua.
- 3- Bahawa ia tidak suka kembali menjadi kafir seperti halnya bencinya kalua dilemparkan ke dalam api.”

(Riwayat Imam Bukhari)

Berdasarkan hadis tersebut, Allah SWT dan RasulNya harus lebih dicintai daripada lain-lain. Antara tanda-tanda orang yang cinta kepada Allah mengikut Imam Ghazali ialah:

- 1- Selalu mengingati mati kerana mati adalah perjumpaan dengan ‘kekasih’ iaitu Allah SWT.
- 2- Orang itu sukarela ingin berkorban untuk Allah SWT dan ingin mendekatkan dirinya kepadaNya.
- 3- Orang itu akan selalu ingat Allah dan ingat kepada Allah ini akan membawa kesegaran bagi jiwanya.
- 4- Orang itu akan cinta pula pada firman-firman Allah SWT iaitu al-Quran dan cinta pada RASulNya iaitu Nabi Muhammad SAW.
- 5- Orang itu akan merasa ringan dan senang hati beribadah kepada Allah.
- 6- Orang itu akan cinta pula kepada orang-orang yang berbakti kepada Allah dan benci kepada kaum kafir dan munafik (Abu Bahili An Nahli, 1996).

iv) Redha dan ikhlas terhadap qada` dan qadar Allah SWT

Menerima takdir atau Qada` dan Qadar yang ditentukan oleh Allah SWT dengan reda dan ikhlas walaupun yang ditakdirkan untuk kita mungkin

merugikan atau menyedihkan kita kerana kita menerima (dengan baik) atau tidak, takdir Allah itu pasti terjadi juga dan tentu berlaku pada kita.

Makna redha dan ikhlas terhadap takdir Allah SWT ialah hendaklah kita bersyukur kalau takdir yang terjadi pada diri kita itu kebetulan sesuatu yang menggembirakan kita dan kita sabar atau tabah kalau apa yang menimpa diri kita itu merugikan kita. Ini bermakna seseorang itu tidak menjadi lupa daratan, kufur, takabbur, bakhil dan sebagainya apabila mendapat nikmat kurnia daripada Allah. Kita juga tidak berkeluh kesah atau berputus asa menghadapi kehidupan apabila ditimpa malapetaka (Abu Bahili An Nahli, 1996).

v) Bertaubat kepada Allah SWT

Makna taubat menurut pengertian Bahasa ialah kembali. Maksudnya ialah kembali taat kepada Allah SWT setelah sebelumnya derhaka kepadanya. Menurut Imam al-Ghazali, taubat ialah kembali mengikuti jalan yang benar dari jalan yang sesat yang telah ditempuhinya. Firman Allah SWT yang bermaksud (Abu Bahili An Nahli, 1996):

“Dan bertaubatlah kamu semua kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman agar kamu beruntung”.

(Surah al-Nur (24): 31)

vi) Bersyukur

Bersyukur adalah satu perkara yang diperintahkan oleh Allah dan RasulNya berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka ingatlah kepadaku, Aku pun akan ingat kepadamu. BErsyukurlah kepadaku, dan janganlah kamu ingkar kepadaKu.”

(Surah al-Baqarah (1): 152)

Syukur bererti mempergunakan nikmat atau pemberian yang ada di tangan kita, sesuai dengan yang dikehendaki oleh yang memberi kenikmatan itu. Juga diertikan sebagai mempergunakan segala sesuatu pemberian dari Allah SWT pada fungsinya masing-masing, sesuai dengan yang telah ditentukan oleh Allah SWT.


Sebagai contoh, seseorang menggunakan tangannya untuk memukul orang lain yang tidak bersalah maka orang tersebut tidak bersyukur kepada Allah SWT. Ini kerana fungsi tangan adalah untuk memegang sesuatu atau menggunakannya untuk kebaikan.

Orang yang menggunakan nikmat kurnia dari Allah SWT seperti harta kekayaan, pangkat atau kedudukan, ilmu pengetahuan dan lain-lain untuk perkara yang tidak diredhai Allah SWT adalah

orang yang kufur terhadap kurniaan Allah dan tidak bersyukur kepada Allah. Jadi bersyukur kepada Allah juga berarti patuh dan taat kepada Allah SWT (Abu Bahili An Nahli, 1996).

5.2.2 Akhlak Manusia Dengan Manusia

Islam telah menggariskan panduan berakhlak sesama manusia dalam semua aspek dan keadaan bagi menjamin keharmonian sesama muslim dan menutup pintu yang boleh menimbulkan tanggapan buruk antara mereka. Untuk menyempurnakan hubungan sesama manusia, Allah SWT telah menetapkan beberapa garis panduan berakhlak dengan manusia antaranya akhlak terhadap diri sendiri, keluarga, jiran, masyarakat dan juga orang bukan Islam.



i) Akhlak terhadap diri sendiri

Sebagai seorang muslim, kita dituntut berakhlak terhadap diri sendiri dengan menjaga kesihatan diri, membersihkan jiwa daripada akhlak yang buruk, melatih jiwa supaya berfikir dan menganalisa, menghiasi diri dengan sifat mahmudah seperti tidak melampaui batas, bercakap benar, pemaaf, sabar, ikhlas dan sebagainya (Che Zuina Ismail, 2007).

ii) Akhlak terhadap keluarga

Antara contoh akhlak terhadap keluarga ialah suami perlu berakhlak dengan isteri dengan cara yang baik, berbuat baik kepada kedua ibu bapa, berlaku adil kepada semua orang, berbuat baik dan memberi bantuan kepada kaum keluarga yang terdekat dan yang jauh serta sebagainya (Che Zuina Ismail, 2007).

iii) Akhlak terhadap masyarakat

Seseorang muslim perlu menjaga akhlak dengan anggota masyarakatnya. Antara contoh akhlak terhadap masyarakat ialah tidak memasuki sesebuah rumah kecuali dengan meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya, tidak mengurangkan timbangan dalam urusan jual beli, mengembalikan amanah kepada empunya, menghakimi manusia dengan adil, menepati janji, menjadi pendamai, memaafkan kesalahan orang, menyeru kebaikan, mencegah keburukan dan sebagainya (Che Zuina Ismail, 2007).

Namun demikian, ada tiga golongan yang perlu di utamakan dalam pengamalan akhlak mulia sesama manusia. Tiga golongan tersebut adalah:

(1) Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW adalah utusan Allah SWT dalam menyampaikan ajaran Islam kepada umat manusia. Seharusnya umat Islam mengutamakan akhlak dengan junjungan nabi Muhammad SAW yang merupakan kekasih Allah SWT.

Antara akhlak manusia dengan nabi adalah beriman kepada Nabi Muhammad SAW iaitu mempercayai bahawa baginda adalah Nabi dan Rasul (utusan) Allah SWT kepada seluruh manusia. Umat Islam juga harus tunduk dan patuh pada Rasulullah SAW sebagaimana patuhnya kepada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah, dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah.”

(Surah al-Hasy (59): 7)

Selain itu, akhlak manusia dengan nabi ialah mencintainya sebagaimana mencintai Allah SWT. Allah SWT kita cintai, maka orang yang menjadi Nabi dan RasulNya pun hendaknya juga kita sayangi. Cinta kepada Allah SWT dan Rasulnya tidak boleh dikalahkan oleh cinta kepada apa jua pun selain keduanya.

Sabda Rasulullah SAW:

“Tidak beriman salah seorang di antara kamu, sehingga aku lebih dicintai olehnya daripada dirinya sendiri, orang tuanya, anaknya dan manusia semuanya.”

(Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

Cinta kepada Rasul harus dibuktikan dengan perbuatan, antaranya:

- 1- Mengamalkan dan mematuhi agama Islam yang di ajarkan oleh baginda, baik yang terdapat dalam al-Quran mahupun dalam hadis atau sunnahnya.
- 2- Berjuang menegakkan, mengembangkan dan membela ajaran-ajarannya, termasuklah menjaga kemurniannya dari segala bid'ah dan khurafat.
- 3- Memuliakan Nabi Muhammad SAW dan memperbanyakkan selawat kepadanya.
- 4- Memuliakan keluarga dan sahabat-sahabat baginda (Abu Bahili An Nahli, 1996).

(2) Ibu Bapa

Ibu bapa adalah insan yang wajib ditaati selepas Allah dan RasulNya. Kedudukan istimewa dan terhormat ibu bapa telah disebut oleh Rasulullah SAW dalam sabda baginda:

“Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibu bapa dan kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibu bapa”.

(Riwayat Imam Tirmidzi)

Antara akhlak manusia terhadap ibu bapa ialah berbuat baik atau berbakti kepada kedua ibu bapa. Berbuat baik mempunyai erti yang sangat luas, meliputi pekerjaan apa sahaja yang dapat disebut baik, yang berupa perkataan, perbuatan dan lain-lain.

Dalam al-Quran surah al-Isra ayat 23 hingga 24 dicontohkan berbuat baik kepada ibu bapa seperti berkata dengan sopan dan hormat, merendahkan diri dengan kasih sayang, dan berdoa untuk kedua-duanya mudah-mudahan keduanya dicintai Allah seperti keadaan kedua ibu bapa mencintai kita sewaktu kita masih kecil (Abu Bahili An Nahli, 1996).

(3) Guru

Guru ialah seseorang yang telah memberikan pendidikan dan pengajaran kepada kita sama ada dalam bentuk formal atau tidak formal. Islam mendidik seseorang murid agar menghormati dan memuliakan guru. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud (Abu Bahili An Nahli, 1996):

“Muliakanlah orang yang kamu belajar daripadanya”.

(Riwayat Abu al-Hasan al-Mawardi)

5.2.3 Akhlak Manusia Dengan Alam

Islam juga telah mengatur soal hubungan dengan makhluk-makhluk yang lain selain manusia. Antara akhlak dengan alam termasuklah akhlak manusia dengan binatang, tumbuh-tumbuhan dan alam sekitar yang lain.

Sebagai contoh akhlak dengan binatang ialah menyembelih haiwan ternakan seperti lembu, kambing, ayam dan sebagainya dengan menyebut nama Allah SWT serta menggunakan pisau yang tajam bagi mengelakkan kesakitan yang boleh menyiksa binatang sembelihan.

Islam juga melarang memusnahkan alam sekitar seperti pokok-pokok kayu dan sebagainya tanpa sebab yang diterima syarak. Bahkan Islam amat menggalakkan manusia menanam tanam-tanaman yang boleh memberikan manfaat kepada manusia dan haiwan (Che Zuina Ismail, 2007).

5.3 KATEGORI AKHLAK: MAHMUDAH DAN MAZMUMAH

Akhlak menurut Islam terbahagi kepada dua iaitu akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah (Che Zuina Ismail, 2007).

Akhlak mahmudah ialah akhlak yang baik. Ia adalah himpunan nilai dan sifat baik dan terpuji menurut pandangan Islam yang ada pada seseorang (Abdul Rahman Nawas et al., 1995). Al-Wasithy menerangkan budi pekerti yang baik iaitulah “...tidak suka bermusuhan dan tidak pula dimusuhi orang, kerana sangat dalam makrifat tentang Allah”.



Sayyidina Ali r.a berkata: “Budi yang indah terdiri dari tiga unsur iaitu; menjauhi yang haram, mencari yang halal dan memberi kelapangan hidup kepada keluarga”. Abu Usman pula berkata: “Akhlak yang baik ialah rasa redha kepada Allah SWT”. Hakikat dari budi pekerti yang baik ialah timbul kelakuan yang baik dan terpuji menurut pandangan syariat dan akal fikiran dengan cara spontan dan mudah tanpa dibuat-buat dan tanpa memerlukan pemikiran atau angan-angan (Muhammad Ghazali, 1994).

Akhlak mazmumah pula ialah akhlak yang buruk. Ia juga dikenali sebagai akhlak yang keji. Antara contoh akhlak mazmumah ialah menyekutukan Allah, berbohong, takabbur, dengki, khianat, bakhil, marah dan sifat-sifat tercela lain yang bercanggah dengan ajaran al-Qur’an dan al-Sunnah (Abdul Rahman Nawas et al., 1995).

5.4 PEMBINAAN DAN PEMERKASAAN AKHLAK

5.4.1 Penyucian Hati

Imam al-Ghazali mencadangkan cara membina akhlak dengan penyucian hati daripada segala sesuatu yang lain daripada Allah SWT. Iaitu menyucikan pemikiran daripada pencemaran alam kebendaan dan keduniaan baharulah kekosongan itu diisi dengan kecintaan kepada Allah. Penyucian inilah dapat menghampirkan diri manusia kepada Allah dan akhirnya membuahkan akhlak yang terpuji (Mustafa Haji Daud, 1991).

Penyucian hati adalah satu pendidikan kerohanian yang mengikat jiwa manusia dengan Allah SWT melalui lidah yang basah mengingati dan menyebut namaNya. Orang mukmin apabila disebut nama Allah akan gementar hati mereka dan apabila dibaca ayat-ayatNya bertambah iman mereka (Surah al-Anfal (8) : 2). Dengan mengingati Allah melalui zikir dapat menjadikan hati seseorang menjadi tenang (Mohd Asri Abdullah et al., 2011). Firman Allah yang bermaksud:

“Ketahuilah! Dengan zikrullah itu tenang tenteramlah hati manusia”.

(Surah al-Ra’d (13) : 28)

Pelbagai cara boleh dilakukan untuk menyucikan hati antaranya dengan zikrullah, istighfar, selawat, tasbih, tahmid, zikir munajat dan doa-doa yang ma'thur (Mohd Asri Abdullah et al., 2011). Penyucian hati juga dikenali sebagai proses *tazkiyyah al-nafs* iaitu satu proses untuk membersihkan hati untuk memperbaiki diri.

Menurut Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali dan Hanit Osman (2012), proses *tazkiyyah al-nafs* memerlukan keyakinan kepada rahmat Allah berdasarkan surah al-Nur, tanpa keluasan rahmat Allah yang maha luas, pasti tidak ada individu yang boleh membersihkan dirinya dari dosa.

Antara metode yang praktikal dalam proses *tazkiyyah al-nafs* ialah (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et al., 2012):

i) Muhasabah

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan untuk hari esok. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat Meliputi Pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan”.

(Surah al-Hasyr (59) : 18)



Maksud muhasabah sebagaimana firman Allah tersebut ialah perhitungan kembali seorang mukmin terhadap amalan dirinya sebelum ini. Muhasabah mengajar seseorang untuk mengenal pasti kesilapan diri dan berazam tidak akan mengulanginya lagi dengan tujuan untuk memperbaiki kualiti diri dan mampu membentuk keperibadian yang sihat, serta bersih dari kecacatan atau dosa sebagai persediaan ke hari akhirat.

Menurut Abdullah Nasih 'Ulwan dalam Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et al. (2012), hakikat dan tujuan sebenar muhasabah boleh dilihat melalui kata-kata terkenal Sayyidina Umar al-Faruq r.a:

“Hisablah dirimu sebelum kamu dihisab (pada hari akhirat), dan timbangilah ia (amalan kamu) sebelum (amalan) kamu ditimbang, dan bersedialah untuk (hari) pembentangan (amalan) yang besar(akhirat)”.

ii) Mu'aqabah

Mu'aqabah diistilahkan dalam bahasa Melayu sebagai denda yang bermaksud mendenda diri atau menghukum diri setelah melakukan kesilapan atau kesalahan. Menurut Abdullah Nasih 'Ulwan dalam Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et al. (2012), asas *mu'aqabah* adalah hukum qisas. Hukum qisas adalah satu bentuk hukuman dalam perundangan Islam yang bermaksud membalas pelaku kesalahan dengan perbuatan yang sama yang telah dilakukannya, setimpal dengan kemudaratan jasmani yang dialami oleh mangsa. Sebagai contoh, hukum bunuh dibalas bunuh dan cedera dibalas cedera.


Antara hikmah qisas ini adalah untuk menyedarkan dan menginsafkan pelaku kesalahan tentang kemudaratan perbuatannya kerana pesalah turut dapat merasai akibat dari perbuatannya setelah didenda atau dihukum. Hikmah yang lain antaranya dapat menyucikan dirinya (dan jiwanya) dari dosa dan terlepas dari hukuman akhirat (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et al., 2012).

iii) Taubat

Taubat bermaksud kembali semula atau berpaling dari kemaksiatan (ke jalan yang benar). Menurut Imam al-Ghazzali dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin*, taubat ialah memohon keampunan terhadap dosa dengan berjanji tidak akan melakukan kesalahan yang sama dan kembali ke jalan Allah (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et al., 2012).

Terdapat empat syarat utama untuk taubat diterima:

- a. Penyesalan terhadap dosa yang dilakukan.
- b. Meninggalkan perbuatan dosa tersebut.
- c. Berazam untuk tidak mengulangnya lagi.
- d. Mohon kemaafan kepada individu berkenaan, sekiranya kesalahan mengambil hak orang lain hendaklah memulangkan semula barangan tersebut kepada pemiliknya. Begitu juga sekiranya meninggalkan kewajipan seperti solat dan puasa, maka seseorang hendaklah menggantikannya.



Syeikh Abdul Qadir al-Jailani dalam Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et al. (2012) berkata, taubat mestilah dengan menyebut dosa yang spesifik, bukan dalam bentuk yang umum. Malah seseorang yang bertaubat juga mestilah mengetahui dengan jelas dosanya dan bahayanya, serta punca dia melakukan dosa. Diharapkan dengan menyebut dosa yang dilakukan secara spesifik, akan menimbulkan rasa malu di hadapan Allah dan dapat merasai penyesalan yang sebenar.

iv) Belajar dari kesilapan


Seseorang juga harus bersedia mengambil pengajaran dari kesilapan yang dilakukan supaya boleh diperbaiki dan menjadikan hari esok lebih baik dari sebelumnya. Pengajaran dari kesilapan bukan sahaja daripada diri sendiri tetapi juga daripada kesilapan orang lain. Justeru seseorang itu boleh mengambil iktibar dan mengelak daripada melakukan perkara yang sama.

Satu pengajaran yang amat baik untuk diri adalah dengan mengambil iktibar dari kesilapan umat-umat terdahulu sebagaimana yang disebut dalam al-Qur'an dan hadis. Sebagai contoh kisah keingkaran umat Nabi Nuh a.s yang tidak mengakui kebenaran mesej ilahi dan kerasulan Nabi Nuh. Mereka akhirnya dimusnahkan dalam banjir besar yang dijadikan Allah sebagai balasan keingkaran mereka (Surah Hud (11) : 25-49 dan Surah Nuh (71) : 1-28) (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et al., 2012).

v) Mujahadah mengubah sikap

Keinsafan ketika bertaubat dan pengajaran dapat dilihat melalui perubahan sikap. Perubahan tersebut bukan hanya terhadap sikap yang negatif, tetapi juga hendaklah mengubah sikap yang menjurus kepada perlakuan dosa atau kesalahan. Sebagai contoh, ketagihan arak bukan sekadar ketagihan sahaja yang perlu dihentikan, tetapi faktor lain yang menyebabkan seseorang itu ketagihan juga perlu dihentikan. Jika ia berpunca dari pengaruh rakan, maka individu tersebut perlu menjauhi rakan-rakan yang berkenaan. Usaha untuk mengubah sikap inilah dinamakan mujahadah.

Mujahadah berasal dari perkataan '*jahada*' yang bermaksud bersungguh-sungguh atau berusaha sehingga mencapai matlamat. Mujahadah melibatkan dua aspek. Pertama, mujahadah mengubah atau memperbaiki sikap dan jiwa yang negatif. Kedua, selain dari melakukan ibadat wajib, seseorang mestilah berusaha menambah amalan dengan memperbanyakkan ibadat sunat seperti solat sunat, qiyamullail, puasa sunat, membaca al-Qur'an dan berzikir. Ibadat-ibadat sunat ini akan menambah kekuatan jiwa seseorang muslim (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et al., 2012).



vi) Istiqamah (Konsisten)

Firman Allah yang bermaksud:


“Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan yang Satu; maka tetaplah kamu di atas jalan yang lurus, serta pohonlah ampun kepadaNya. Dan kecelakaan yang besar bagi orang yang mempersekutukanNya”.

(Surah Fussilat (41) : 6)

Ayat ini menunjukkan perintah untuk sentiasa berterusan dalam keadaan taat, beriman dan ikhlas kepada Allah. Begitu juga halnya dalam usaha *tazkiyyah al-nafs*. Setelah bertaubat, seseorang individu mestilah istiqamah mengekalkan perubahan yang dilakukannya. Hanya dengan istiqamah sahaja akan menjamin keberhasilan yang sebenar dalam proses *tazkiyyah al-nafs*. Istiqamah bermaksud berterusan atau konsisten dalam beriman dan mematuhi ajaran Islam serta sentiasa memastikan amalan adalah selari dengan syarak dan tidak tersasar darinya (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et al., 2012).

5.4.2 Pendidikan

Persoalan akhlak berkait rapat dengan keimanan. Keimanan adalah teras kepada akhlak dalam Islam. Keimanan kepada Allah adalah asas yang mantap untuk membentuk generasi Islam yang berakhlak (Abdul Rahman Hj Abdullah, 2007).



Justeru, bagi menerapkan akhlak yang mulia, seseorang muslim seharusnya diberikan pendidikan berkaitan keimanan kepada Allah untuk melahirkan peribadi yang mulia. Muhammad Ghazali (1994) juga menyebut mengenai akhlak seseorang dapat dibentuk melalui pendidikan berdasarkan hadis berikut, sabda Rasulullah SAW:

"Perbaikilah akhlakmu".

(Riwayat Abu Bakar bin La-al)

Terdapat beberapa elemen penting dalam proses pendidikan dalam Islam antaranya ialah:



(i) Al-Qur'an sebagai pendidikan awal kepada anak-anak.

Al-Qur'an diturunkan sebagai rujukan kepada umat Islam dan untuk menasihati manusia agar mencapai ketenangan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Kaedah nasihat adalah suatu kaedah yang penting dalam proses pembentukan akhlak. Anak-anak dilahirkan dalam keadaan suci, jiwanya diibaratkan permata yang belum dibentuk. Jika dibesarkan dengan akhlak yang baik atau buruk, maka begitulah pembentukannya. Oleh

itu, dalam proses pembentukan akhlak diri anak-anak perlu kepada kaedah tertentu seperti nasihat (*mau'izah*), latihan (riadah) dan kebiasaan (Abdul Salam Yussof, 2003).

Abdullah Nasih 'Ulwan telah menasihati para pendidik supaya memberikan pendidikan al-Qur'an kepada anak-anak mereka. Al-Qur'an perlu dijadikan wirid harian dengan membiasakan diri membaca dan memahami ayat-ayat yang tersurat dan makna yang tersirat. Apabila lidah terbiasa dengan ayat-ayat al-Qur'an, jiwa akan menjadi tenang dan air mata akan mengalir merasai keagungan dan kebesaran Allah SWT. Maka iman akan bertambah kukuh (Mohd Asri Abdullah et al., 2011).

Pendidikan al-Qur'an juga membawa manusia ke arah kecemerlangan di dunia dan akhirat. Imam al-Tabrani meriwayatkan dari Sayyidina Ali *karramallahu wajhah* bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Didiklah anak-anakmu atas tiga perkara: Cinta kepada Nabi kamu, cinta kepada kaum keluarga baginda serta membaca al-Qur'an. Sesungguhnya para pembaca al-Qur'an itu berada di dalam naungan 'Arasy Allah pada hari tiada naungan melainkan naunganNya bersama-sama para NabiNya dan orang-orang suci".

Melalui pendidikan al-Qur'an, seseorang dapat menghayati kandungan al-Qur'an dan seterusnya mendidik hati supaya sentiasa patuh dan taat kepada Allah SWT (Mohd Asri Abdullah et al., 2011).

(ii) Rasulullah sebagai *uswah hasanah*

Kaedah contoh teladan mempunyai pengaruh kuat terhadap anak-anak. Oleh yang demikian, Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai pembawa wahyu dan sebagai contoh teladan kepada umat manusia (Abdul Salam Yussof, 2003). Islam menjadikan baginda sebagai sumber rujukan dan ikutan terbaik (*uswah hasanah*) dalam proses pendidikan kerana Rasulullah SAW telah menjalani praktikal kehidupan berasaskan pendidikan al-Qur'an. Bahkan baginda dididik terus oleh Allah SWT. Sebagai contoh, baginda tidak memperkatakan sesuatu menurut hawa nafsu, akan tetapi setiap ungkapan yang diucap oleh baginda adalah wahyu dari Allah SWT.

Firman Allah SWT bermaksud:

"Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Qur'an atau hadis) tidak lain adalah wahyu yang diwahyukan kepadanya".

(Surah al-Najm (53) : 3-4)

Budi pekerti Rasulullah SAW adalah contoh akhlak yang terbaik sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud (Imam al-Ghazzali, 1997):

"Dan sesungguhnya engkau benar-benar berbudi pekerti yang agung".

(Surah al-Qalam (68) : 4)

Akhlak Rasulullah SAW adalah selari dengan tuntutan ajaran Islam yang bersumberkan al-Qur'an. Hal ini dijelaskan oleh isteri baginda sendiri iaitu Sayyidatina Aisyah r.a. apabila ditanya mengenai akhlak baginda SAW, beliau menjawab:

“Sesungguhnya akhlak Rasulullah adalah menurut al-Qur'an”.

Ungkapan ini menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah mempraktis al-Qur'an dalam kehidupan baginda (Mohd Asri Abdullah et al., 2011).

5.4.3 Pergaulan

Akhlak juga dapat dibentuk melalui pergaulan seseorang dengan masyarakat di sekelilingnya. Melalui pergaulan tersebut, seseorang dapat mencontohi dan mengikuti akhlak mulia yang ditunjukkan oleh masyarakat di sekelilingnya. Malah melalui pergaulan juga seseorang dapat mengetahui kelemahan diri sekaligus dapat memperbaiki kelemahan diri untuk menjadi lebih baik.

Mengikut Imam al-Ghazzali, terdapat beberapa kaedah untuk mengenali kelemahan dan kecacatan diri iaitu (Muhammad Ghazali, 1994):

- i- Berguru dengan guru yang mursyid, iaitu guru yang dapat mengenali dan melihat kecacatan diri muridnya dengan mata hati dan dapat mengesan penyakit-penyakit yang tersembunyi dalam jiwa. Seterusnya ia berusaha merawat penyakit tersebut sepertimana yang disarankan oleh gurunya. Guru seharusnya jujur untuk menceritakan keaiban diri muridnya dan menunjukkan car penguabatan aib diri dengan sebaik-baiknya.
- ii- Mencari teman yang jujur, baik akhlaknya, bijaksana dan taat agama. Meminta kepadanya untuk meneliti dan mengawasi akhlak untuk menyelami nilai gerak dan tindak tanduk kita. Memohon teman tersebut untuk menceritakan dengan jujur semua aib, akhlak buruk dan budi pekerti yang kurang baik. Kemudian usahakan untuk memperbaiki yang rosak dan mengubati yang sakit.
- iii- Mengambil manfaat dari celaan musuh-musuhnya. Ini kerana mata orang yang benci itu dapat menampakkan keburukan-keburukan yang tidak mungkin dapat diketahui oleh orang-orang yang mencintai. Orang yang bijaksana tidak akan mengendahkan kata-kata dari musuhnya. Akan tetapi orang yang berakal akan mengambil keuntungan untuk melihat keburukan-keburukan dirinya melalui kata-kata musuhnya.
- iv- Menceburkan diri dalam masyarakat untuk mempergauli orang ramai. Melalui jalan ini, setiap budi pekerti terpuji dan tercela yang ditemuinya di dalam pergaulan itu akan dapat dimanfaatkan untuk memperhalusi budi pekertinya. Dia tahu bahawa seorang mukmin menjadi cermin bagi mukmin yang lainnya iaitu dikenal aib dirinya dengan perantaraan memandang aib diri orang-orang di sekitarnya. Dengan demikian masyarakat dapat dijadikan ukuran serta tempat membersihkan batin dari sifat-sifat yang tercela dan yang dicela orang lain.

5.4.4 Persekitaran

Persekitaran ialah suasana kehidupan sekeliling seseorang individu yang mempengaruhinya dalam melakukan sesuatu amalan sama ada baik atau buruk. Mereka termasuklah keluarga, kaum kerabat, sahabat handai, jiran tetangga dan sebagainya.

Firman Allah SWT:

“Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamanya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusannya (azab siksanya), kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik”.

(Surah al-Taubah (9) : 4)

Situasi ini juga dapat difahami melalui sabda Nabi Muhammad SAW iaitu sesiapa yang berkawan dengan penjual minyak wangi, sudah pasti tempias kewangian minyak wangi itu akan terlekat pada dirinya. Dan sesiapa yang berkawan dengan tukang besi sudah pasti percikan bunga api pembakaran besi akan terkena dirinya. Ini bererti suasana persekitaran memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak seseorang (Mohd Asri Abdullah et al., 2011).

Imam al-Ghazzali menyebut pembentukan peribadi dan akhlak individu boleh dilakukan melalui persekitaran yang soleh. Beliau berpegang kepada prinsip bahawa proses pendidikan budi pekerti tersebut adalah proses yang saling mempengaruhi antara fitrah (*instinct*) dengan lingkungan persekitaran (Abdul Salam Yussof, 2003).

5.4.4 Pelaksanaan ibadah

Budi pekerti boleh menjadi kuat dengan memperbanyakkan kerja amal yang mengukuhkan, mentaati dan meyakinkan bahawa ia baik dan terpuji. Dalam erti kata lain, sesuatu tingkah laku dan usaha keras dalam mengerjakan amalan yang baik iaitu menunaikan ibadat dengan penuh keyakinan akan memberikan kesan terhadap jiwa manusia dan ia akan menjadi sebahagian daripada kebiasaan hidup (Abdul Salam Yussof, 2003).

Budi pekerti yang mulia jelas terpancar melalui rukun Islam yang lima iaitu mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu, mengeluarkan zakat, melaksanakan ibadah



puasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji bagi yang berkemampuan. Hal ini kerana rukun Islam adalah pokok akhlak dalam Islam yang berperanan untuk memperbaiki akhlak manusia.

(i) Mengucap Dua Kalimah Syahadah

Iaitu mengungkapkan kalimah tauhid yang mengesakan Allah SWT. Ungkapan ini diyakini dan dihayati bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT. Pengabdian diri kepada Allah ini akan melahirkan umat yang taat dan patuh pada Allah melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan laranganNya.

Ungkapan kedua pula ialah pengakuan kerasulan Nabi Muhammad SAW iaitu yakin bahawa Nabi Muhammad adalah ikutan dalam semua hal dan keadaan. Akhlak yang baik akan terbentuk apabila manusia mencontohi dan mengikuti akhlak baginda dalam kehidupan (Mohd Asri Abdullah et al., 2011). Dua kalimah ini adalah kalimah paling agung dalam neraca timbangan Allah, dengan keduanya manusia terkeluar daripada kekufuran, memasuki Islam dan tergolong dalam golongan orang yang mengesakan Allah (Ahmad al-Qattan, 2010).

(ii) Menunaikan Solat Fardhu Lima Waktu

Solat fardhu didirikan lima waktu sehari semalam. Solat yang dikerjakan dengan sempurna dapat mendidik diri manusia dengan akhlak yang baik dan menjauhi perkara yang mungkar (Mohd Asri Abdullah et al., 2011). Dalam Islam, ibu bapa diwajibkan menyuruh anak-anak agar solat pada usia 7 tahun (*mumayyiz*) dan menyuruh memukul mereka jika enggan atau meninggalkan solat pada usia 10 tahun (Ahmad al-Qattan, 2010). Ia adalah salah satu bentuk pendidikan akhlak yang diterapkan oleh Islam ke atas seseorang sejak dari kanak-kanak lagi.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bacalah serta ikutlah (wahai Nabi Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Qur’an, dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedah dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”.

(Surah al-‘Ankabut (29) : 45)

Berdasarkan maksud ayat al-Quran di atas, ibadat solat dapat membentuk peribadi supaya meninggalkan perbuatan mungkar dan keji (Mohd Yusof Ahmad, 2005). Pelaksanaan ibadat solat juga dapat membawa seseorang kepada banyak kebaikan. Antaranya solat dapat merawat hatinya yang keras, merawat kedukaan dan kepiluan hati, serta menghapuskan krisis yang dihadapi ummah (Ahmad al-Qattan, 2010).

(iii) Melaksanakan Ibadah Puasa Di Bulan Ramadhan

Puasa bukan sahaja menahan diri dari lapar dan dahaga bermula terbit fajar sehingga terbenam matahari. Bahkan puasa berperanan mendidik manusia untuk membentuk sifat taqwa kepada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa”.

(Surah al-Baqarah (2) : 183)

Menurut Imam al-Ghazzali, puasa adalah amalan yang dapat digunakan untuk menolak tipu daya syaitan, mengecewakan angan-angan, mematahkan usaha jahat dan juga sebagai benteng serta perisai bagi manusia yang beriman (Mohd Asri Abdullah et al., 2011).

(iv) Mengeluarkan Zakat

Zakat ditakrifkan sebagai penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari keredhaan Allah SWT, penyucian diri dan harta kekayaan untuk membangunkan masyarakat berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak.

Melalui ibadah zakat, manusia dididik untuk membersihkan harta dan diri daripada sifat yang keji seperti kikir, tamak dan haloba. Dengan mengeluarkan zakat, sifat kasih sayang, kerjasama dan saling bantu-membantu sesama manusia dapat dibentuk (Mohd Asri Abdullah et al., 2011). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

(Surah al-Taubah (9) : 103)

(v) Mengerjakan Haji Bagi Yang Berkemampuan

Ibadah haji ialah satu ibadah yang dilaksanakan dalam bulan tertentu di Tanah Suci Mekah dan persekitarannya dengan menyempurnakan rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syariat.

Pelaksanaan haji yang sempurna dapat membentuk manusia menjadi insan yang bertaqwa dan berakhlak mulia. Ibadat ini juga dapat mewujudkan perpaduan dan kerjasama serta menghubungkan silaturrahim dalam kalangan umat Islam sedunia. Melalui rukun dan wajib haji juga dapat membersihkan hati, menjaga lidah daripada percakapan yang sia-sia, bertengkar, terhindar daripada

melakukan maksiat dan berusaha menjaga keaiban diri sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah yang bermaksud (Mohd Asri Abdullah et al., 2011):

“(Masa untuk mengerjakan ibadat) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadah haji itu, maka tidaklah boleh menyetubuhi isteri, dan tidak boleh berbuat maksiat, tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah, dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya, kerana sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah). Dan bertaqwalah kepada Aku, wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)”.

(Surah al-Baqarah (2) : 197)

Berdasarkan lima rukun Islam tersebut, jelaslah akhlak dapat dibentuk melalui pelaksanaan ibadah-ibadah tersebut. Setiap ibadah berfungsi untuk mendidik akhlak dari aspek-aspek yang berbeza mengikut fungsinya.

5.5 CABARAN DAN PENYELESAIAN PEMBENTUKAN AKHLAK

Dalam usaha melahirkan akhlak yang terpuji seperti yang dikehendaki dalam Islam dan sebagaimana yang ditunjukkan oleh baginda Rasulullah SAW, pastinya terdapat pelbagai cabaran dan halangan yang perlu kepada kekuatan dan strategi yang mapan untuk menanganinya. Krisis akhlak yang berlaku semestinya berpunca daripada pelbagai faktor. Para sarjana, pemikir dan intelektual mendapati cabaran dalam pembentukan akhlak terbahagi kepada dua kategori iaitu cabaran yang paling hampir dengan diri atau disebut sebagai cabaran dalaman dan cabaran yang datang dari luar iaitu cabaran luaran.

5.5.1 Cabaran Dalaman

Cabaran dalaman merupakan cabaran yang paling hampir menjadi punca berlakunya pelbagai krisis dan keruntuhan akhlak. Sekiranya cabaran utama ini tidak berjaya ditangani, maka menjadi sesuatu yang mustahil atau sukar untuk menangani cabaran-cabaran lain termasuklah cabaran luaran. Antara cabaran dalaman ialah:

(i) Kelemahan Iman dan Pengaruh Hawa Nafsu

Keimanan kepada Allah SWT merupakan titik tolak kepada pembentukan akhlak yang mulia. Asmawati Suhid (2005) menegaskan penerapan nilai akhlak bermula daripada keimanan kepada Allah SWT melalui intipati tauhid yang akan melahirkan insan yang berakhlak mulia. Menurut Muhammad Kamal Hassan (1987), akhlak atau peribadi seseorang dapat diukur berdasarkan kuat atau lemahnya iman seseorang. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia manakala iman yang lemah akan melahirkan akhlak yang buruk dan keji. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003), iman dan nafsu mempunyai hubungan antara satu sama lain. Ulama' telah membahagikan

iman dan nafsu kepada beberapa tahap dan peringkat. Tinggi atau rendah iman seseorang diukur daripada peringkat imannya. Iman terbahagi kepada lima peringkat iaitu iman *taqlid*, iman *'ilmu*, iman *'ayan*, iman *haq* dan iman *haqiqat*.

Iman *taqlid* merupakan peringkat iman paling rendah yang dimiliki manusia. Pada peringkat ini, iman seseorang terhasil daripada iman secara ikut-ikutan atau mengikut orang lain secara membuta-tuli tanpa didasari ilmu. Iman tanpa ilmu atau iman *taqlid* ini berada pada kedudukan iman paling rendah yang menandakan kelemahan iman seseorang. Iman pada peringkat kedua yang lebih tinggi sedikit daripada iman *taqlid* tadi dinamakan iman *ilmu* iaitu iman yang sudah didasari dengan ilmu tetapi malangnya hanya sekadar ilmu dan tidak diamalkan ilmu tersebut. Kedua-dua jenis iman ini berada pada kedudukan paling rendah yang tidak mampu untuk membentengi diri daripada pengaruh hawa nafsu.

Bagi mendidik nafsu menjadi lebih baik, manusia memerlukan sekurang-kurangnya iman *'ayan* iaitu iman pada peringkat yang lebih tinggi dan lebih baik. Iman *'ayan* ini merupakan iman yang didasari dengan ilmu serta orang yang memiliki iman ini beramal dengan ilmunya. Iman pada peringkat seterusnya ialah iman *haq* iaitu iman yang benar yang dimiliki oleh kekasih Allah seperti para auliya' atau wali-wali Allah. Seterusnya, iman pada peringkat tertinggi ialah iman *haqiqah* iaitu iman yang dimiliki hanya para nabi dan rasul.

(ii) Kejahilan dan kecelaruan ilmu

Tidak dapat dinafikan ilmu merupakan perkara paling penting kepada setiap manusia. Maka tidak hairanlah Allah SWT mewajibkan setiap hambanya untuk menuntut ilmu seperti yang dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Menuntut ilmu merupakan kewajipan ke atas setiap orang Islam".

(Riwayat Ibnu Majah)

Disebabkan itulah manusia bertanggungjawab menuntut ilmu kerana ia merupakan perkara fardhu yang tidak boleh diabaikan. Pengabaian terhadap ilmu akan memusnahkan banyak perkara dalam kehidupan seorang insan termasuklah kerosakan akhlak. Menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007), antara cabaran utama yang datang dalam kalangan umat Islam sendiri ialah kejahilan untuk memahami kebenaran Islam. Pelbagai bentuk krisis yang berlaku termasuklah keruntuhan nilai adab dan akhlak berpunca daripada kelemahan umat Islam dalam memahami ilmu agama dan kejahilan mereka dalam membezakan antara perkara yang hak dengan perkara batil.

Kejahilan juga menjadi punca kepada salah faham terhadap ajaran Islam yang sebenar. Salah faham bermaksud kefahaman yang menyeleweng terhadap hakikat ketuhanan, alam semesta, kehidupan di dunia dan akhirat serta hubungan kemanusiaan. Perkara-perkara ini merangkumi hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam yang sangat berkait rapat dengan akhlak.

Selain itu, salah faham ini juga boleh menyebabkan kecelaruan ilmu berlaku bukan hanya dalam kalangan masyarakat biasa tetapi juga dalam kalangan para sarjana sendiri. Hal ini berlaku disebabkan pengaruh ideologi yang datang dari luar dan cuba diharmonikan mengikut ajaran Islam. Ideologi-ideologi seperti sekularisme, liberalisme, pluralisme, orientalisme dan bermacam lagi ideologi menyerang pemikiran umat Islam. Kesemua ideologi ini merupakan cabaran pembentukan akhlak yang bersifat luaran yang akan dibincangkan dalam topik cabaran luaran.

(iii) Meminggirkan Islam dalam realiti kehidupan

Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh umat Islam sekarang ialah tidak lagi menjadikan Islam sebagai *ad-deen* iaitu tidak menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam segenap aspek kehidupan. Islam hanya berfungsi dalam beberapa hal keagamaan namun dalam kebanyakan hal kehidupan seperti dalam pekerjaan seharian, Islam dipinggirkan. Perkara ini jelas merugikan umat Islam itu sendiri. Menurut Wan Mohd Azam Mohd Amin (1995), apabila agama tidak lagi diperlukan dalam memenuhi cita-cita hidup seseorang, maka agama akan mula disisihkan sedikit demi sedikit dalam ruang pemikiran dan realiti kehidupan. Akhirnya manusia mula bertuhankan makhluk, harta kekayaan dan kebendaan, pangkat dan darjat. Ini jelas disebutkan dalam hadis Nabi SAW tentang penyakit yang menimpa umat Islam pada akhir zaman iaitu penyakit '*wahn*' iaitu "penyakit cintakan dunia dan takutkan mati".

Sejarah peradaban Islam turut membuktikan akibat dari penyakit *wahn* inilah yang menyebabkan umat Islam jatuh ke tangan orang kafir. Umat Islam mengalami kekalahan dan kejatuhan sehingga hari ini. Kelemahan umat Islam berpunca daripada kelalaian dan kecuaiannya sendiri. Umat Islam menjadi mundur, miskin, lemah dan ketinggalan disebabkan meminggirkan Islam dalam realiti kehidupan. Hakikatnya, Islam merupakan agama yang syumul, lengkap dan paling sempurna yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia sama ada dari aspek politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan hal-ehwal semasa. Malahan dari sekecil-kecil perkara sehinggalah perkara yang besar semuanya jelas terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dr. Salah Abdul Fattah al-Khalidi ada menyebut tentang muslim masa kini dalam kitabnya *Thawabit li al-Muslim al-Mu'asir* yang dipetik daripada Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007), beliau berkata:

"Siapakah kita? Hendaklah kita berterus terang menyatakan bahawa orang Islam pada zaman sekarang merupakan contoh yang terburuk di sepanjang sejarah Islam. Pada hakikatnya, umat Islam telah kehilangan Islam sebagai teras kehidupan sehingga mereka hidup dalam serba luar biasa di samping mereka telah meminggirkan Islam dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang keagamaan, nilai-nilai, akhlak, suluk, matlamat, metodologi, politik, ekonomi, keilmuan dan amalan".

(iv) Pendidikan yang tidak seimbang

Pendidikan merupakan komponen utama negara untuk membangunkan masyarakat. Asmawati Suhid (2005) turut menegaskan bahawa pendidikan merupakan wadah utama untuk merungkai permasalahan akhlak. Walau bagaimanapun, pendidikan yang diguna pakai sekarang masih belum mampu menyelesaikan krisis akhlak yang kian meruncing. Walaupun pendidikan Islam diterapkan dalam sistem pendidikan sejak daripada bangku sekolah rendah sehinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi, masalah akhlak tidak juga dapat diatasi. Permasalahan ini timbul setelah penjajahan Inggeris memperkenalkan sistem pendidikan liberalisme sekular dan mewujudkan dualisme dalam sistem pendidikan.

Akibatnya, penyampaian ilmu tidak berlaku secara menyeluruh dan bersepadu. Ilmu fardhu 'ain dipisahkan daripada ilmu fardhu kifayah dan diajarkan secara berasingan. Perkara ini berlaku dalam sistem pendidikan formal di Malaysia seperti yang dijelaskan oleh Muhammad Kamal Hassan (1988), mata pelajaran Sains dan Kemanusiaan sama sekali tidak memberikan pengiktirafan kepada peranan Allah dalam kehidupan manusia terhadap alam semesta. Hanya dalam pelajaran agama murid-murid akan diperkenalkan dengan persoalan ketuhanan. Tetapi ketuhanan yang diperkenalkan itu biasanya kurang dikaitkan dengan aspek kehidupan manusia. Gambaran ketuhanan juga sering kaku dan kabur sehingga sukar untuk pelajar-pelajar menghayatinya. Guru-guru agama yang kurang terdedah kepada mata pelajaran Sains dan Kemanusiaan pula kurang mampu menghubungkan akidah tauhid dengan kegiatan-kegiatan saintifik dan teknologi. Akibatnya, tauhid tidak difahami sebagai suatu falsafah kehidupan yang menyeluruh. Tuhan dianggap hanya berfungsi dalam bidang ibadah sembahyang, puasa, haji dan zakat sahaja. Bidang-bidang pembangunan ekonomi, sosial, politik dan budaya dirasakan tidak atau kurang berkait dengan akidah.

Begitu juga di institusi tidak formal seperti institusi keluarga, iaitu ibu bapa yang kurang rasa tanggungjawab dan kefahaman mereka tentang betapa pentingnya peranan akidah tauhid dalam pembentukan sahsiah anak-anak. Kebanyakan ibu bapa meletakkan harapan yang tinggi dalam pencapaian akademik anak-anak sehingga pendidikan agama diabaikan. Rahimah Embong (2012) menyatakan pendidikan yang tidak seimbang ini telah membawa masalah sosial atau keruntuhan akhlak dalam masyarakat kerana wujudnya dua golongan yang berbeza secara ketara iaitu mereka yang sibuk dengan urusan dunia dan mereka yang hanya menumpukan urusan akhirat. Jelas sekali pendidikan yang tidak seimbang bukan hanya menjadi cabaran dalam pembentukan akhlak malah turut menjadi cabaran yang besar dalam melahirkan insan yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek sebagaimana yang dikehendaki dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

5.5.2 Cabaran Luaran

Selain cabaran dalaman yang merupakan cabaran utama kepada pembentukan akhlak, terdapat juga cabaran-cabaran luaran yang turut mempengaruhi pembentukan akhlak setiap umat Islam. Sekiranya cabaran dalaman mampu ditangani oleh umat Islam dengan bersungguh-sungguh, pasti umat Islam akan mampu menepis setiap cabaran yang datang dari luar. Antara cabaran luaran ialah:

(i) Serangan ideologi dan pemikiran Barat

Serangan ideologi dan pemikiran Barat merupakan antara masalah terbesar yang mengubah dan menukar seluruh aspek kehidupan umat Islam terutama di Malaysia. Selepas kejatuhan kerajaan Islam dan selepas Tanah Melayu dijajah, kehidupan umat Islam turut bertukar. Barat bukan hanya berjaya menjajah ekonomi, bahkan turut menjajah pemikiran dan budaya umat Islam. Buktinya, dengan kelahiran budaya dan pemikiran yang bersifat sekularisme, liberalisme, anti-dogmatis, pluralisme, orientalisme, hedonisme dan berbagai-bagai lagi budaya dan pemikiran yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang merupakan suatu usaha yang sangat jitu untuk menghancurkan Islam. Penjelasan lanjut berkaitan dengan ideologi-ideologi Barat ini sepertimana perincian berikut:

(a) Sekularisme

Sekularisme merupakan pemisahan antara perkara agama dan dunia. Agama diketepikan daripada urusan-urusan keduniaan iaitu manusia boleh melakukan sesuatu tanpa dibendung oleh agama. Keadaan ini menyebabkan manusia bebas menggunakan akal dan logik rasional dalam memahami dan menyelesaikan sesuatu masalah. Sekularisme merupakan suatu ideologi yang mudah meresapi aspek kehidupan manusia dan boleh meninggalkan kesan yang buruk terhadap peradaban Islam.

(b) Liberalisme

Liberalisme merupakan suatu fahaman yang cuba melonggarkan kepercayaan agama iaitu hubungan manusia sesama manusia dan alam termasuk hubungan dengan Tuhan perlu dibebaskan daripada kongkongan wahyu (Wan Adli Wan Ramli, 2012). Golongan ini mahukan cara fikir dan cara hidup yang bebas tanpa disekat oleh kepercayaan dan agama. Dengan itu, manusia akan bebas melakukan apa sahaja mengikut keinginan dan matlamat yang diimpikan.

Pemikiran liberal inilah yang akhirnya melahirkan golongan-golongan pemikir yang bebas memperkatakan apa sahaja sehingga sanggup mempersoalkan hukum Allah SWT. Jelas sekali fahaman dan pemikiran liberal ini mampu merosakkan akidah, syariah dan seterusnya melumpuhkan akhlak umat Islam.

(c) Anti-dogmatis

Anti-dogmatis merupakan satu pemikiran yang bersifat bebas nilai iaitu membebaskan diri daripada nilai-nilai agama (Muhammad Syukri Salleh, 2006). Dalam erti kata yang lain, seseorang perlu membebaskan diri daripada perkara-perkara yang boleh mengganggu gugat pemikiran selagimana ia tidak dibuktikan dengan sains. Pemikiran ini berasaskan kepada dalil atau sumber aqli dan ilmu daruri sahaja dan menafikan nilai kepercayaan dan tasawwur seseorang.

(d) Pluralisme

Pluralisme membawa maksud menyamaratakan termasuklah menyamakan semua agama kerana menghendaki manusia menjadi baik. Pluralisme agama mendakwa semua agama adalah bersifat relatif.


Justeru, tidak ada satu agama pun yang berhak mendakwa agamanya adalah benar dan mutlak. Mereka menganggap semua agama mempunyai tujuan yang satu iaitu membawa manusia kepada keselamatan di akhirat. Ia amat bercanggah dengan apa yang disebut al-Qur'an bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang benar dan diterima di sisi Allah SWT.

(e) Orientalisme

Orientalisme merupakan gerakan pengkaji Barat, Yahudi, Kristian, Atheis dan lain-lain yang mendalami bahasa-bahasa Timur terutama bahasa Arab untuk mengkaji budaya di Timur termasuklah dari segi sastera, bahasa, antropologi, sosiologi, psikologi dan agama. Tujuan mereka adalah untuk mengkritik, memanipulasi dan menyeleweng ilmu pengetahuan tersebut. Menurut Mudasar Rosder dan Che Yusuf Che Mat (1989), orang-orang Eropah berjaya menguasai sumber-sumber warisan Islam. Para orietalis berjaya mengedit, menapis, mencetak dan menerbitkan banyak sumber-sumber warisan Islam yang penting yang akhirnya dijadikan suatu penyelewengan ilmu pengetahuan Islam.

(f) Hedonisme

Hedonisme ialah suatu budaya yang mementingkan keseronokan dan hiburan semata-mata untuk kepuasan hidup. Keseronokan tersebut hanya didasari oleh hawa nafsu hingga terhapus nilai-nilai murni dalam diri. Budaya ini dibawa melalui banyak cara termasuklah media hiburan daripada Barat yang mengajar pergaulan bebas, pakaian yang menjolok mata, pertuturan yang kasar dan sebagainya yang telah banyak menghapuskan nilai-nilai Islam dan ketimuran.



5.6 PENYELESAIAN DAN KAEDAH MENANGANI PERMASALAHAN KRISIS AKHLAK DALAM KALANGAN UMAT ISLAM

Setiap manusia dikurniakan akal fikiran untuk digunakan sebaik mungkin bagi mendapatkan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat termasuklah untuk merungkai segala permasalahan yang mengganggu ketenteraman hidup. Bagi mengatasi masalah krisis akhlak seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, para ulama' telah menyediakan garis panduan berdasarkan al-Qur'an dan contoh teladan Nabi Muhammad SAW.

Umat Islam harus berusaha sedaya upaya mungkin untuk menghadapi cabaran-cabaran yang boleh merosakkan akidah umat Islam termasuklah menghapuskan nilai-nilai murni dan akhlak Islam. Antara kaedah yang telah dijelaskan oleh ulama' ialah dengan *tazkiyyah al-nafs*. Selain itu, kaedah lain yang dianjurkan oleh sarjana-sarjana Islam bagi menangani cabaran dan krisis akhlak adalah seperti yang akan dibincangkan berikut.

(i) Jihad Berterusan (*Mujadah al-Nafs*)

Dalam menghadapi cabaran dalaman terutama yang melibatkan kelemahan iman dan pengaruh hawa nafsu, ulama' telah memberi panduan kepada umat Islam berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah untuk berusaha sedaya mungkin mengatasinya. Antara penyelesaian yang perlu dan sangat penting untuk umat Islam menghadapi cabaran ini ialah melalui *mujadah al-nafs* ataupun *tazkiyyah al-nafs*. *Tazkiyyah al-nafs* terdiri daripada dua perkataan iaitu *tazkiyyah* dan *al-nafs*. Dari sudut etimologi '*tazkiyyah*' bermaksud menyucikan atau membersihkan manakala *al-nafs* pula dalam bahasa Arab bermaksud diri. Golongan sufi menggunakan istilah *al-nafs* yang merujuk kepada sifat-sifat dan kecenderungan buruk manusia. *Al-nafs* sentiasa berada pada dua kecenderungan iaitu mendorong manusia melakukan sifat-sifat terpuji atau sifat-sifat terkeji. Sifat-sifat terpuji inilah yang perlu dibangunkan, manakala sifat-sifat terkeji pula perlu dihapuskan dan dibersihkan dari hati melalui kaedah *tazkiyyah al-nafs*.

Tazkiyyah al-nafs ialah suatu proses yang dilakukan untuk menyucikan jiwa daripada segala penyakit hati atau sifat keji yang wujud dalam diri manusia. Imam al-Ghazzali telah menggariskan tiga kaedah dalam proses *tazkiyyah al-nafs*:

(a) *Takhalli*

Takhalli merupakan proses yang perlu dilakukan oleh manusia untuk membuang atau membersihkan jiwa dari sifat-sifat keji seperti hasad dengki, iri hati, riyak, takabbur, 'ujub dan sebagainya. Proses ini agak sukar kerana sifat-sifat ini telah lama bersebat dalam diri. Oleh itu, proses ini perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh melalui istighfar dan taubat nasuha.

(b) *Tahalli*

Setelah dilakukan pengosongan atau penyucian daripada sifat-sifat keji, hendaklah segera pula diisi dengan sifat-sifat terpuji seperti berbaik sangka, pemaaf, penyabar, amanah, jujur dan sebagainya. Jiwa yang telah disucikan melalui istighfar, taubat, ibadah wajib dan amalan-amalan sunat yang lain akan mudah untuk diisi dengan sifat-sifat terpuji atau mahmudah.

(c) *Tajalli*

Tajalli merupakan proses terakhir yang telah mencapai kemenangan apabila berjaya melalui proses *takhalli* dan *tahalli*. Pada tahap ini, seseorang akan didorong untuk sentiasa melakukan kebaikan dan sifat-sifat terpuji tanpa ada halangan disebabkan telah sebat dalam diri.

(ii) Reformasi Pendidikan yang Bersepadu dan Holistik

Proses pendidikan memerlukan suatu perubahan atau reformasi secara menyeluruh dan bersepadu bagi memastikan lahirnya insan yang benar-benar seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Reformasi perlu dilakukan dari sudut dasar pendidikan, sistem pendidikan, kurikulum pendidikan, metodologi pendidikan dan matlamat pendidikan

agar selari dengan tuntutan Islam. Reformasi pendidikan ini bukan hanya pada peringkat formal tetapi perlu juga diberi penekanan pada peringkat tidak formal. Pendidikan yang tidak seimbang antara ilmu fardhu 'ain dan ilmu fardhu kifayah akan melahirkan manusia yang pincang atau berat sebelah. Akhirnya ketidak seimbangan ini akan mewujudkan pengurusan dan pembangunan yang hanya mementingkan kemajuan dari sudut fizikal tanpa mengambil kira keperluan rohani.

(iii) Memahami, menghayati dan mempraktikkan akhlak Rasulullah SAW

Rasulullah SAW merupakan contoh tauladan atau *uswah hasanah* sepanjang zaman. Oleh sebab itu, tidak hairanlah sarjana Barat turut mengiktiraf Rasulullah SAW sebagai manusia paling unggul di dunia. Peribadi Rasulullah SAW yang cukup sempurna dari semua aspek sepatutnya difahami, dihayati dan dipraktikkan oleh umat Islam semenjak dari kecil. Umat Islam wajib mempelajari sirah Rasulullah SAW secara mendalam bagi mengenali keperibadian sebenar Rasulullah SAW. Kegagalan dalam memahami keperibadian Rasulullah SAW ini akan menyebabkan umat Islam gagal mempraktikkan akhlak baginda SAW.

(iv) Menjadikan Islam sebagai *ad-deen*

Islam bukan sekadar agama tetapi Islam adalah satu cara hidup yang paling sempurna dan lengkap (syumul). Kesempurnaan Islam jelas kerana Islam sangat menitik beratkan semua perkara dalam kehidupan termasuklah perkara yang melibatkan ibadah umum dan khusus, muamalat, munakahat, jenayah dan sebagainya. Sekiranya umat Islam mampu menjadikan Islam sebagai satu cara hidup atau dalam erti kata yang lain mengamalkan cara hidup Islam secara menyeluruh, pasti umat Islam akan menjadi umat yang paling hebat dan berjaya di dunia ini.

5.7 SIGNIFIKAN AKHLAK DALAM ETIKA SOSIO BUDAYA INSAN BERDASARKAN SURAH AL-HUJURAT AYAT 1-18

AYAT 1-3: Larangan Mendahului Allah SWT Dan RasulNya Serta Perintah Untuk Mengagungkan Serta Bersopan Santun Terhadap Rasulullah SAW.

- a) Berdasarkan ayat 1, Allah SWT membimbing hamba-hambanya yang beriman tentang cara bergaul dan berhubungan dengan Rasulullah SAW, dari cara menghargai, menghormati, memuliakan dan mengagungkan baginda. Allah berfirman maksudnya: "*Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mendahului Allah dan RasulNya*". Maksudnya jangan kamu tergesa-gesa melakukan sesuatu sebelum Rasulullah SAW, tetapi jadilah kamu semua sebagai pengikutnya dalam segala hal.

Terdapat sebuah hadis Sayyidina Muaz r.a., di mana Nabi SAW pernah bertanya kepadanya ketika beliau diutus ke Yaman:

"Dengan apa engkau akan memutuskan hukum?" Ia menjawab: Dengan kitabullah. Jika engkau tidak mendapatkannya?, tanya Rasulullah SAW lebih lanjut. Ia menjawab: Dengan sunnah Rasulullah SAW. Dan jika engkau tidak mendapatkannya juga?, tanya baginda lagi. Ia menjawab: Aku akan berijtihad

dengan pendapatku. Lalu baginda menepuk dadanya seraya bersabda: Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufiq kepada utusan Rasulullah SAW atas apa yang telah diredhai oleh Rasulullah SAW.”

(Riwayat Ahmad, Abu Daud, Tirmizi dan Ibnu Majah)

Berdasarkan hadis ini, yang dimaksudkan oleh Sayyidina Muaz bin Jabal r.a adalah ia mengakhirkan pendapat, pandangan dan ijtihadnya setelah al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW. Seandainya ia mendahulukan ijtihad sebelum mencarinya di dalam al-Qur'an dan hadis, maka yang demikian itu termasuk salah satu sikap mendahului Allah dan RasulNya.

- b) Etika kedua dalam ayat ke-2 ialah Allah SWT membimbing hamba-hambanya yang beriman agar tidak mengeraskan suara di hadapan Nabi SAW melebihi suara baginda. Firman Allah: *“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu lebih dari suara Nabi”*.

Para ulama' mengatakan: Makruh mengangkat suara di sisi makam Rasulullah SAW sebagaimana makruh meninggikan suara ketika baginda masih hidup, kerana baginda adalah seorang yang terhormat, baik ketika masih hidup mahupun setelah baginda wafat.

Kita juga dilarang meninggikan suara ketika berbicara dengan Rasulullah SAW, sebagaimana tingginya suara seseorang ketika berbicara kepada orang lain, tetapi hendaklah berbicara dengan kelembutan dan suara yang rendah serta penuh penghormatan. Oleh kerana itu Allah berfirman: *“Dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara keras, sebagaimana kerasnya (suara) sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain”*.

Allah juga berfirman maksudnya: *“Janganlah kamu menjadikan panggilan Rasul di antara kamu seperti sebahagian kamu kepada sebahagian yang lain”*. Larangan agar tidak memanggil Rasul seperti panggilan kepada saudara lain adalah supaya tidak terhapus (pahala) amalan seseorang, sedangkan mereka tidak menyedarinya. Ayat ini menegah kita memanggil Nabi dengan nama 'Ahmad' atau 'Muhammad' sahaja, tetapi wajib memanggil baginda dengan panggilan yang terbaik seperti Rasulullah atau Nabi Allah. Allah melarang seseorang mengangkat suara kepada Rasulullah SAW kerana ditakuti Rasulullah SAW akan marah, sehingga kemarahan baginda akan menjadikan Allah SWT marah, maka hal itu menjadikan amal perbuatan akan terhapus, sedangkan si pelaku itu tidak menyedarinya.

- c) Etika ke-3 berdasarkan ayat ke-3, Allah SWT menganjurkan orang beriman untuk merendahkan suara pada Rasulullah SAW dalam ayat *“Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah SAW, mereka itulah orang-orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertaqwa”*, yakni mengikhlaskan dan menjadikannya sebagai tempat ketaqwaan. Balasannya

adalah mendapat keampunan dan pahala yang besar sebagaimana firman Allah yang bermaksud: *"Bagi mereka ampunan dan pahala yang besar"*.

AYAT 4-5: Celaan Untuk Orang Yang Memanggil Rasulullah SAW Dari Luar Rumah

Allah mencela orang-orang yang memanggil-manggil Rasulullah SAW dari luar *hujurat*, yaitu rumah-rumah yang dihuni oleh isteri-isteri baginda, sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Arab Badwi yang bertabiat kasar. Allah berfirman maksudnya: *"Kebanyakan mereka tidak mengerti"*.

Kemudian Allah SWT memberikan bimbingan tentang etika berkenaan hal tersebut. Allah berfirman maksudnya: *"Dan kalau sekiranya mereka bersabar sampai kamu keluar menemui mereka, sesungguhnya itu adalah lebih baik bagi mereka"*, maksudnya, jika saja mereka melakukan hal itu, nescaya mereka akan memperoleh kebaikan dan kemaslahatan di dunia dan akhirat. Kemudian Allah menyeru mereka untuk segera bertaubat dan kembali kepadanya: *"Dan Allah Maha pengampun lagi Maha Penyayang"*.

AYAT 6-8: Perintah Untuk Menyelidik Berita Yang Dibawa Oleh Orang Fasik

Allah memerintahkan agar benar-benar meneliti berita yang dibawa oleh orang-orang fasik dalam usaha bersikap waspada, sehingga tidak ada seorang pun yang memberikan keputusan berdasarkan perkataan orang fasik tersebut. Di mana pada saat itu orang fasik tersebut merupakan seorang pendusta dan berbuat kekeliruan, sehingga orang yang memberikan keputusan berdasarkan ucapan orang fasik itu berarti ia telah mengikutinya dari belakang. Padahal Allah telah melarang untuk mengikuti jalan orang-orang yang berbuat kerosakan.

AYAT 9-10: Perintah Untuk Mendamaikan Dua Golongan Mukmin Yang Saling Bertelagah

Allah memerintahkan untuk mendamaikan dua golongan kaum mukminin yang saling berlaku pertikaian. Mereka tetap disebut sebagai orang-orang yang beriman walaupun saling menyerang antara satu sama lain. Atas dasar inilah Imam al-Bukhari dan lainnya mengatakan bahawa perbuatan maksiat meskipun besar, adalah tidak mengeluarkan seseorang dari keimanan. Tidak seperti yang digembar-gemburkan oleh kaum Khawarij dan yang sama fahaman dengan mereka dari kalangan Muktazilah dan lainnya. Dan bersikap adil di antara dua kelompok tersebut dalam menghadapi permasalahan yang terjadi di antara mereka.

Semua orang beriman adalah bersaudara dalam agama Islam sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

"Orang muslim adalah saudara orang muslim (yang lain), tidak menzaliminya dan tidak pula membiarkannya dizalimi".

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Oleh kerana itu, damaikanlah antara kedua saudaramu dari dua kelompok yang bertelagah. Dan bertaqwalah kepada Allah dalam seluruh urusan kalian supaya kamu beroleh rahmat. Dan sesungguhnya Allah SWT akan memberikan rahmatNya kepada sesiapa yang bertaqwa.

AYAT 11: Larangan Menghina Dan Mengejek

Allah melarang perbuatan menghina orang lain iaitu dengan meremehkan dan mengolok-olok. Perbuatan tersebut diharamkan, sebab barangkali orang yang dihina tersebut memiliki kedudukan yang lebih tinggi di sisi Allah SWT dan lebih dicintai Allah SWT daripada orang yang menghina.

Allah juga berfirman supaya jangan mencela orang lain. Pengumpat atau orang yang mencela adalah orang-orang yang tercela dan terlaknat sebagaimana yang disebutkan dalam surat al-Humazah (104) ayat 1, maksudnya: *"Kecelakaanlah bagi setiap pengumpat lagi pencela"*. Sayyidina Abdullah Ibn 'Abbas r.a, Mujahid, Sa'id bin Jubair, Qatadah dan Muqatil bin Hayyan berkata: *"Dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri"*, bererti janganlah kalian saling fitnah-memfitnah antara satu sama lain.

Dalam ayat ini juga Allah berfirman yang bermaksud: *"Janganlah kamu memanggil dengan gelaran-gelaran yang buruk"*. Iaitu jangan memanggil dengan panggilan yang tidak baik didengari.

"Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman", iaitu seburuk-buruk sifat dan nama panggilan adalah pemberian gelaran dengan gelaran yang buruk, sebagaimana yang dilakukan pada masa jahiliah. Maka alangkah buruknya hal itu bila dilakukan setelah masuk Islam, sedangkan keburukannya diketahui.

AYAT 12: Larangan Berprasangka Buruk

Allah melarang hamba-hambanya yang beriman daripada banyak berprasangka buruk iaitu dengan mencurigai keluarga, kerabat serta orang lain dengan tuduhan yang buruk yang bukan pada tempatnya. Kerana sesungguhnya sebahagian dari perbuatan tersebut merupakan hal yang dosa. Oleh itu, hendaklah hal tersebut dijauhi secara keseluruhan.

Allah juga melarang manusia mencari-cari kesalahan orang lain dan melarang manusia mengunjing iaitu mengumpat saudaranya yang lain. Mengumpat atau *ghibah* tidak dibenarkan dalam Islam. Allah menyamakan pelakunya seperti orang yang memakan daging saudaranya yang telah mati.

Dalam ayat tersebut, Allah berfirman kepada pelaku pengumpat dan pengadu domba supaya bertaqwa (takutlah) kepada Allah dan bertaubat dari perbuatan yang dilakukan iaitu dengan melepaskan diri dari perbuatan tersebut serta tidak mengulanginya lagi.

AYAT 13: Semua Manusia Adalah Anak Cucu Keturunan Nabi Adam Dan Sayyidah Hawwa'.

Allah memberitahukan kepada manusia bahawa Dia menciptakan mereka dari satu jiwa dan jiwa tersebut diciptakan jodohnya. Kedua-duanya ialah Nabi Adam dan Sayyidah Hawwa'. Kemudian mereka dijadikan berbangsa-bangsa dan berbeza-beza.

Yang membezakan kedudukan manusia di sisi Allah ialah tingkat ketaatan seseorang kepada Allah SWT dan RasulNya. Kemuliaan diukur berdasarkan ketaqwaan. Yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa bukan disebabkan keturunan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak melihat rupa bentuk dan harta kalian, tetapi Allah melihat hati dan perbuatan kalian”.

(Riwayat Muslim)

Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Menenal urusan manusia sehingga Allah yang memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendakiNya dan menyesatkan siapa sahaja yang dikehendaki.

Ayat 14-18: Orang Mukmin Dan Muslim Adalah Berbeza.

Orang beriman (mukmin) dan Islam (muslim) adalah berbeza. Terdapat beberapa ciri orang yang betul-betul beriman. Hakikat orang yang beriman secara sempurna adalah mereka yang beriman (membenarkan) Allah SWT dan Rasul tanpa ada perasaan ragu-ragu iaitu membenarkan apa yang datang dari Allah dan Rasul secara total.

Mereka juga berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah iaitu berkorban hal yang terbaik pada diri mereka serta harta yang paling berharga bagi menunjukkan ketaatan dan untuk mencapai keredhaan Allah SWT (Ibn Katsir, 2008).

5.7 KESIMPULAN

Akhlah adalah asas agama yang penting dalam pembentukan masyarakat muslim. Pendidikan akhlak yang merupakan ruh kepada pendidikan Islam amat dititikberatkan untuk membentuk peribadi individu muslim yang luhur. Pendidikan akhlak tersebut dapat memperindahkan peribadi, memperkemaskan budi pekerti, mendekatkan diri kepada Allah dan akhirnya dapat mencapai tingkat kemuliaan yang tinggi. Justeru, umat Islam perlu menekankan kaedah pendidikan akhlak berteraskan syarak dengan bersumberkan al-Qur'an serta menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan dalam proses pembentukan peribadi yang mulia.

Kegagalan pendidikan akhlak dalam diri muslim bukan sahaja mendorong masyarakat untuk berakhlak jelek, bahkan ia memberi kesan ke atas kesempurnaan iman seseorang yang akhirnya membawa kepada kemurkaan Allah.

Sabda Rasulullah SAW, ketika ditanya, manakah di antara orang mukmin yang terbaik keimanannya, jawab baginda SAW yang bermaksud (Muhammad Jamaluddin al-Qasimi, 2005):

“Ialah yang terbaik budi pekertinya di antara mereka”.

(Riwayat Abu Daud, Tirmizi dan lain-lain)

Oleh itu, semua pihak seharusnya berusaha dalam membentuk dan mendidik masyarakat agar berakhlak mulia selari dengan tuntutan Islam secara komprehensif dan berterusan pada semua lapisan masyarakat.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Hj Abdullah. (2007). *Sejarah dan Tamadun Islam*. Kedah: Pustaka Darussalam.
- Abdul Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omardin Haji Ashaari & Arip Saaya. (1995). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Abdul Salam Yussof. (2003). *Imam al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmawati Suhid. (2005). Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 6, 95-104.
- Ahmad al-Qattan. (2010). *Pendidikan Anak Cemerlang Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Che Zuina Ismail. (2007). *Pengantar Asas-Asas Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). Cabaran-cabaran semasa umat Islam dan penyelesaiannya menurut agama. *Malaysian Journal of Social Administration*, 4, 39-57.
- Ibn Katsir, al-Hafidz 'Imaduddin Abul Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir al-Qurasyi al-Dimasyqi. (2008). *Shahih Tafsir Ibn Katsir*. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Imam al-Ghazzali. (1997). *Membentuk Peribadi Mukmin Sejati*. Kuala Lumpur: al-Hidayah.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali & Hanit Osman. (2012). *Kaunseling Dalam Islam*. Cet ke-2. Negeri Sembilan: Penerbit USIM (Universiti Sains Islam Malaysia).
- Mohd Asri Abdullah, Kamariah Yusoff, Che Kamaruddin Md Daud, Zawawi Temyati, Ahmad Jailani Sidek, Mohd Shukran Abdul Razak, Mashita Abu Hassan, Khairul Faezi Mohd Said, Bateriah Alias, Norsiah Sulaiman, Farahdina Abdul Manaf, Che Hashim Md Said, Azizah Zakaria. (2011). *Prinsip-Prinsip Asas Islam: Syariah, Ibadat dan Akhlak*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

- Mohd Shukri Hanapi. (2001). *Bicara Agama: Kesepaduan ilmu*. Utusan Online. Diakses pada 18 Januari 2018 daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0518&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm
- Mohd Yusof Ahmad. (2005). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mudasir Rosder & Che Yusuf Che Mat. (terj.) (1989). *Orientalisme: Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ghazali. (1994). *Membina Kebahagiaan Hidup*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurul Has.
- Muhammad Jamaluddin al-Qasimi. (2005). *Bimbingan Mencapai Darjat Mukmin*. Terj. H.Moh Abdai Rathomy. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Muhammad Kamal Hassan. (1987). Education And Community Developement. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2(6) 1-18.
- Muhammad Kamal Hassan. (1988). Peranan Akhlak Dalam Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2(7) 1-12.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Zebra Edition.
- Mustafa Haji Daud. (1991). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rahimah Embong. (2012). *Konsep kurikulum bersepadu dan pelaksanaannya di institusi pendidikan Islam masa kini; tinjauan semula*. Diakses daripada http://i-epistemology.net/attachments/1135_jp-v13n1
- Wan Adli Wan Ramli. (2012). *Bahaya Liberalisme Dan Pluralisme Agama Terhadap Akidah Belia Muslim*. Johor: Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Wan Mohd Azam Mohd Amin. (1995). Penyelewengan Akidah Dalam Kehidupan. *Dakwah bil. 218*, XVI, Julai.